

Artikel ini merupakan siri keempat daripada empat artikel bersiri mengenai persaingan, yang dibawakan oleh Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam, sebuah badan separa kehakiman yang dimandatkan untuk menggalakkan dan mengekalkan persaingan yang adil di dalam landskap ekonomi Negara Brunei Darussalam, melalui penguatkuasaan Akta Persaingan. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.ccbd.gov.bn](http://www.ccbd.gov.bn) atau hubungi melalui [exec.secretariat@ccbd.gov.bn](mailto:exec.secretariat@ccbd.gov.bn) (E-mel) atau +673 2383100 (Telefon).

## Memupuk Persaingan di Negara Brunei Darussalam: Menangani Penyalahgunaan Kedudukan Dominan dan Penggabungan Anti-Persaingan

Di Negara Brunei Darussalam, dan seperti juga di negara-negara lain, mempromosikan persaingan yang adil memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi, mendorong inovasi, dan memupuk kesejahteraan pengguna. Usaha ini sejajar dengan aspirasi Negara Brunei Darussalam untuk mencapai ekonomi yang dinamik dan mampan, selaras dengan Wawasan 2035.



Dalam konteks undang-undang persaingan di Negara Brunei Darussalam, Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam (CCBD) telah mula menguatkuasakan Bab 11 (Perjanjian Anti-Persaingan) sejak tahun 2020. Menjelang sekitar tahun 2025, CCBD komited untuk memperkuuh usaha dalam menangani serta menguatkuasakan dua lagi larangan utama di bawah Akta Persaingan, iaitu Bab 21 (Penyalahgunaan Kedudukan Dominan) dan Bab 23 (Penggabungan Anti-Persaingan).

### Penyalahgunaan Kedudukan Dominan (*Abuse of Dominant Position*)

CCBD mengakui kepentingan mencegah penyalahgunaan kedudukan dominan dalam pasaran untuk mengekalkan persaingan yang sihat, terutamanya dalam konteks Negara ini. Penyalahgunaan kuasa pasaran yang tidak adil boleh merugikan pengguna serta menyekat inovasi, tanpa mengira sektor, sama ada dalam sektor telekomunikasi, perbankan, atau runcit.

Penyalahgunaan kedudukan dominan berlaku apabila sebuah syarikat yang memiliki kedudukan dominan dalam pasaran terlibat dalam amalan yang menyekat persaingan. Sebuah syarikat dianggap dominan jika ia memegang bahagian pasaran yang signifikan dalam industri tertentu dan mempunyai kuasa untuk bertindak secara bebas daripada pesaing, pelanggan, atau penggunanya. Kepentingan pencegahan ini adalah untuk memastikan syarikat dominan tidak memutarbelitkan landskap persaingan hingga merugikan kesejahteraan pengguna, inovasi, dan kecekapan.



Beberapa contoh amalan penyalahgunaan kedudukan dominan adalah seperti berikut:

1. Harga Pemburuan (Predatory Pricing): Ini berlaku apabila sesebuah syarikat dominan menetapkan harga yang sangat rendah dengan tujuan untuk menghalau pesaing keluar dari pasaran. Dengan cara ini, syarikat tersebut dapat menetapkan harga yang lebih tinggi dalam jangka panjang.
2. Urusniaga Pengecualian (Exclusionary Dealings): Ini berlaku apabila sesebuah syarikat dominan berurusniaga dengan syarikat lain dan menghadkan pihak-pihak yang dibenarkan untuk berurusniaga dengan syarikat tersebut.
3. Penolakan atau Sekatan Pembekalan (Refusal or Restricting Supply): Ini berlaku apabila sesebuah syarikat sengaja menolak atau menghadkan pembekalannya untuk meningkatkan harga dan, seterusnya, keuntungan mereka.

## Penggabungan Anti-Kompetitif (*Anti-Competitive Mergers*)

Penggabungan anti-persaingan merujuk kepada penggabungan atau pengambilalihan yang secara signifikan mengurangkan persaingan dalam pasaran. Tindakan ini boleh menyebabkan harga yang lebih tinggi, kualiti yang rendah, pengurangan inovasi, atau pilihan yang terhad bagi pengguna. Penggabungan berlaku apabila dua entiti yang sebelum ini bersaingan bergabung, sama ada melalui usahasama berterusan (*joint venture*) atau pengambilalihan (*acquisition*).

Walau bagaimanapun, tidak semua penggabungan menimbulkan isu persaingan, sekiranya ia bersifat pro-persaingan atau neutral terhadap persaingan dalam pasaran yang terlibat. Bab 23 Akta Persaingan hanya merangkumi penggabungan yang telah mengakibatkan, atau dijangka mengakibatkan, pengurangan persaingan yang ketara dalam mana-mana pasaran di Negara Brunei Darussalam bagi barang dan perkhidmatan.



Dalam Akta Persaingan, pemberitahuan mengenai penggabungan adalah sukarela kerana tiada kewajipan undang-undang untuk memberitahu pihak CCBD mengenai penggabungan atau penggabungan yang dijangka. Walau bagaimanapun, pihak-pihak terlibat boleh memilih untuk memberitahu CCBD mengenai penggabungan tersebut sekiranya terdapat kebimbangan bahawa penggabungan itu, sama ada yang telah berlaku atau yang dijangka, mungkin menjelaskan persaingan atau melanggar peruntukan dalam Akta ini. Pemberitahuan sukarela membolehkan CCBD menilai terlebih dahulu kesan penggabungan tersebut terhadap pasaran sebelum ia dilaksanakan.

Dalam usaha Negara Brunei Darussalam untuk menggalakkan kepelbagaian ekonomi dan pembangunan yang mampan, penguatkuasaan undang-undang persaingan memainkan peranan penting dalam memastikan medan persaingan yang adil bagi perniagaan serta melindungi kepentingan pengguna. Menjelang sekitar tahun 2025, komitmen pihak CCBD dalam menangani penyalahgunaan kedudukan dominan dan penggabungan anti-persaingan menzhirikan dedikasi untuk memupuk persekitaran pasaran yang kompetitif yang memberi manfaat kepada semua pihak berkepentingan. Dengan menggalakkan persaingan yang adil and inovasi, Negara Brunei Darussalam berada pada landasan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyatnya dan merealisasikan aspirasi ekonominya ke arah membangunkan ekonomi yang dinamik dan mampan, selaras dengan Wawasan 2035.